

11 SEP 1999

Mahathir-Titiwangsa

UMNO PERLU TERUS JADI PARTI YANG KUKUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno perlu menjadi sebuah parti politik yang kukuh supaya ia dapat meneruskan usaha memerintah negara secara baik.

Perdana Menteri berkata dengan meneruskan pemerintahan negara, Umno dapat membangunkan bukan sahaja bandar raya Kuala Lumpur tetapi juga bandar-bandar lain dan kawasan luar bandar, supaya rakyat terus mendapat nikmat dan keuntungan banyak daripada kegiatan dan kuasa yang diberikan kepada parti itu.

"Umno bukan sahaja parti politik untuk mendapat sokongan rakyat supaya pemimpinnya dapat menjadi wakil rakyat, menteri-menteri dan perdana menteri, tetapi Umno lebih daripada itu," katanya ketika merasmikan bangunan baru Umno Bahagian Titiwangsa di sini.

Presiden Umno itu berkata Umno sebuah parti politik yang berusaha membangunkan negara yang berbilang kaum supaya negara ini setanding dengan negara maju di dunia.

Yang turut hadir ialah Ketua Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Dr Suleiman Mohamed dan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Kini ramai orang asing menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan bukan lagi negara membangun, kata Dr Mahathir.

Menurutnya pembangunan pesat negara adalah hasil kerjasama antara kaum melalui Barisan Nasional (BN) yang Umno menjadi teras kepada gabungan itu.

Oleh itu Umno merasakan ia bertanggungjawab melayan bukan sahaja kehendak orang Melayu tetapi juga bukan Melayu yang perlu mendapat perhatian kerana kerjasama mereka adalah penting dalam membangunkan negara.

Perdana Menteri mengajak semua pihak supaya merenung peranan yang telah dimainkan oleh Umno dalam membangunkan negara ini.

Tidak siapa, katanya, dapat menafikan bahawa Umno, sebagai teras BN, telah berjaya memajukan negara dan memberi khidmat kepada semua kaum.

"Kalau kita dapat meneruskan khidmat Umno sebagai teras Barisan Nasional, kita pilih calon-calon Barisan Nasional, saya yakin Kuala Lumpur akan menjadi bandar raya yang besar dan cantik dengan bangunan yang tersergam indah dan dapat menempatkan semua penduduk Kuala Lumpur dalam rumah-rumah yang selesa dan tidak menjadi setinggalan," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno ditubuhkan bukan untuk mengutuk atau memaki-hamun pihak lain untuk mendapat sokongan rakyat.

"Kita ditubuhkan untuk berbaik-baik dan memajukan semua pihak, Umno tidak akan lupa tanggungjawabnya.

"Cara Umno ialah kita akan membuat penjelasan kepada apa yang benar dan ini termasuk tafsiran-tafsiran yang tidak baik yang diselewengkan oleh orang tertentu termasuk yang melibatkan hal keagamaan," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno merasa sedih dengan sikap orang Islam dan pemimpin Islam yang menggunakan perkataan kesat terhadap Umno serta membuat tafsiran salah.

"Kita akui mereka mempunyai pengetahuan agama dan fasih bercakap dalam bahasa Arab tetapi tidak semestinya apa yang mereka katakan itu benar dan tepat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada orientalis barat yang tahu berbahasa Arab dan berpengetahuan agama Islam tetapi tujuan mereka hanyalah untuk mencari kelemahan Islam supaya mereka dapat menindas orang-orang Islam.

Umno sebaliknya berpegang kepada ajaran Islam dan menganggap semua

orang Islam itu saudaranya termasuklah anggota-anggota PAS.

Perdana Menteri berkata PAS kini sudah lari jauh daripada asas perjuangannya.

Katanya allahyarham Datuk Asri Muda, bekas presiden PAS, telah meninggalkan parti itu apabila mendapati pemimpin-pemimpin parti berkenaan yang keterlaluan, telah menolak kepimpinannya.

"Allahyarham telah meninggal dunia sebagai anggota Umno dan bukan anggota PAS," katanya.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan ke Wilayah Persekutuan kemudian mengadakan perjumpaan dengan para anggota Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di bangunan baru Umno Bahagian Titiwangsa itu.

-- BERNAMA  
ARA AFY RON